

BULETIN METEOROLOGI PERTANIAN 10 HARI
DEKAD PERTAMA FEBRUARI 2019
(1hb– 10hb Februari 2019)

PENDAHULUAN

Negara kini masih dalam fasa Monsun Timur Laut yang secara klimatologinya, dalam tempoh ini taburan hujan mula berkurangan menuju tempoh penghujung Monsun Timur Laut. Dalam tempoh ini, taburan hujan yang rendah atau tiada hujan dalam tempoh yang lama boleh menyebabkan keadaan cuaca panas. Untuk dekad ini, kebanyakan stesen-stesen meteorologi utama mencatatkan bacaan yang melebihi purata bagi pencerapan suhu, sinaran solar dan sejatan kecuali jumlah hujan pada dekad ini adalah di bawah paras purata.

HUJAN

Pada dekad ini, Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Melaka, Johor, Pahang serta Sabah dan Sarawak telah merekodkan anomali hujan lebih 60% di bawah purata. Manakala kawasan-kawasan di Kedah dan Perak pula merekodkan anomali hujan 20 hingga 40% di bawah paras purata. Hanya Hilir Perak, Selangor serta negeri pantai timur Semenanjung Malaysia (Kelantan dan Terengganu) merekodkan anomali hujan antara 20 hingga melebihi 60% di atas purata. Merujuk kepada Rajah 2, jumlah hujan yang melebihi 100mm telah direkodkan di Selangor terutamanya di Petaling Jaya dengan jumlah hujan tertinggi iaitu 146mm beserta lapan hari hujan. Stesen Mardi Klang merekodkan jumlah hujan harian tertinggi pada 3 Februari 2019 dengan bacaan 76.3mm. Kawasan selebihnya mengalami keadaan sedikit kering dengan jumlah hujan yang direkodkan adalah kurang daripada 20mm. Terdapat juga stesen yang tidak menerima hujan (tiada hujan) iaitu di Chuping (Perlis), Mardi Bukit Tangga (Kedah), Mersing dan Kluang (Johor), Cameron Highlands dan Pertanian Gali Raub (Pahang) dan Kota Kinabalu (Sabah).

SUHU


Secara umumnya, kawasan-kawasan tanah rendah di Malaysia merekodkan suhu di atas paras purata dengan nilai sisihan terbesar +3.1 °C dicatatkan di Senai (Johor). Merujuk kepada suhu (Rajah 3 dan Rajah 4), kebanyakan kawasan tanah rendah di Malaysia menerima purata suhu harian dekad antara 26.6 hingga 30.1°C. Suhu tertinggi untuk tempoh ini adalah 37.5° C yang direkodkan di Pertanian Charok Padang (Kedah) manakala suhu terendah iaitu 18.7°C direkodkan di Kota Kinabalu (Sabah). Purata suhu harian yang direkodkan di stesen tanah tinggi Cameron Highlands pula adalah 19.5°C dengan nilai suhu yang terendah dan tertinggi masing-masing adalah 13.8 °C dan 25.9 °C. Sisihan daripada purata bagi kawasan ini adalah 2.2 °C bagi tempoh ini.

SEJATAN


Secara umumnya, kebanyakan stesen merekodkan kadar sejatan harian melebihi purata terutamanya di Subang dengan nilai sisihan daripada purata terbesar +1.8mm. Hanya stesen Alor Setar (Kedah), Mersing (Johor), Kuala Terengganu (Terengganu), Labuan serta seluruh Sarawak merekodkan bacaan kurang dari purata dengan nilai sisihan terbesar -1.6mm daripada purata direkodkan di Bintulu. Berdasarkan Rajah 5, negeri-negeri di barat Semenanjung Malaysia khususnya di Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Selangor, Melaka, Johor dan juga di Sabah merekodkan nilai melebihi 5.0mm terutamanya di stesen Melaka dengan bacaan tertinggi 6.2mm. Kawasan-kawasan lain merekodkan bacaan antara 3.5 hingga 4.8mm kecuali Sarawak merekodkan bacaan yang kurang dari 3.5 mm dengan bacaan rendah 2.8mm dan 2.7mm masing-masing direkodkan di Kuching dan Sri Aman. Manakala stesen tanah tinggi Cameron Highlands pula mencatatkan bacaan sebanyak 2.3mm.

SINARAN SOLAR


Seluruh stesen di Malaysia pada amnya merekodkan purata harian sinaran solar di atas paras purata terutamanya stesen Muadzam Shah (Pahang) dengan nilai sisihan normal tertinggi +5.7MJm⁻² manakala Kuching pula mencatatkan purata harian sinaran solar dengan nilai sisihan normal -0.8 MJm⁻². Untuk dekad ini, kebanyakan negeri Semenanjung Malaysia terutama Johor serta Sabah merekodkan purata harian sinaran suria melebihi 20MJm⁻² dengan bacaan tertinggi 23.4MJm⁻² direkodkan di Senai. Barat Sarawak merekodkan bacaan kurang dari 18.0MJm⁻² dengan bacaan terendah 11.6MJm⁻² direkodkan di Kuching. Manakala satu-satunya stesen tanah tinggi Cameron Highlands pula mencatatkan bacaan sebanyak 18.4MJm⁻².




Rajah 1: Anomali Hujan




Rajah 2 Jumlah Hujan




Rajah 3: Suhu Purata Minimum



Rajah 4: Suhu Purata Maksimum



Rajah 5: Kadar Sejatan



Rajah 6: Sinaran Solar

Disediakan oleh:
Pusat Iklim Nasional
Jabatan Meteorologi Malaysia
13-Apr-19